

# Kecoh mata wang jatuh, ini usaha kerajaan

**KECOH** dan menjadi perbualan masyarakat, apabila mata wang Malaysia dikatakan paling lemah di Asia.

Mulalah ada pihak yang menuduh kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak pandai mentadbir kewangan negara sehingga menyebabkan nilai mata wang jatuh merudum.

Mungkin ramai yang tidak tahu, sebenarnya prestasi mata wang ringgit pada tahun ini sebahagian besarnya didorong oleh faktor luaran seperti pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) yang mendadak berikutan kadar faedah AS yang lebih tinggi serta keadaan ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan.

Oleh itu, kebanyakan mata wang dunia, bukan Malaysia sahaja, telah mengalami penurunan nilai bagi tahun 2023 dan penyusutan nilai ringgit adalah berikutan tindakan Rizab Persekutuan AS yang menaikkan kadar faedah.

Jelas bukan? Sepatutnya kalau kita tidak tahu tentang hal seperti ini, perlu kaji dahulu sebelum sewenang-wenangnya berkata-kata sebab akan nampak 'tidak cerdik' itu.

Sementara itu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah melaksanakan langkah-langkah jangka masa pendek bagi memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur.

Anwar berkata untuk menangani

kemeruapan (*volatility*) pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko-risiko daripada perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

"Beberapa langkah diambil oleh Bank Negara, umpamanya menetapkan eksport itu dengan ringgit. Manakala dalam beberapa persidangan saya berbincang dengan negara China dan juga di

ASEAN di Jakarta meminta supaya kita menggunakan nilai mata wang tempatan untuk berdagang.

"Menerusi inisiatif Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (LCSF), Malaysia mempunyai pengaturan LCSF bersama Indonesia dan Thailand.

"Malaysia juga antara negara pertama yang memeterai perjanjian pengaturan mata wang dengan People's Bank of China (PBC) pada 2009," ujar Anwar.

Dalam pada itu, beliau

menjelaskan bahawa perjanjian itu memudahkan lagi penggunaan mata wang renminbi dan ringgit bagi tujuan pembayaran perdagangan dan pelaburan di antara China dan Malaysia.

Selain itu, Perdana Menteri mengakui untuk menghentikan sepenuhnya penggunaan dolar AS secara mendesak dalam perdagangan ketika ini adalah sukar, namun Malaysia lebih aktif dan agresif menekankan keperluan kegunaan mata wang tempatan.



*KERAJAAN melalui BNM melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan keadaan pasaran teratur.*